



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU

Susulan daripada lawatan kerja saya ke Terengganu semalam, berikut diumumkan 5 Inisiatif yang bakal menambahbaik perkhidmatan kesihatan Negeri Terengganu:

1. Bagi tahun 2023, sejumlah RM 72.5 juta telah diperuntukkan dibawah RMKe-12 bagi projek pembangunan baharu fasiliti kesihatan di negeri Terengganu.
2. Klinik Kesihatan Hiliran, Kuala Terengganu bakal menerima peruntukan RM 17 juta untuk menyiapkan Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar sebagai tambahan daripada peruntukan asal sebanyak RM 15 juta.
3. Sebanyak 3 klinik yang terkesan akibat banjir yang berlaku tahun ini akan menerima peruntukan khas sebanyak RM500 ribu iaitu Klinik Desa Gong Tanah Merah, Klinik Desa Alor Lintah, Klinik Desa Alor Keladi.
4. Hospital Dungun yang diklasifikasi sebagai projek sakit dan merupakan satu projek yang menjadi perhatian Kementerian Kesihatan Malaysia akan disiapkan tahun ini dan bakal memberi manfaat besar kepada warga setempat apabila beroperasi kelak.
5. Untuk tujuan baikpulih dan naik taraf, sebanyak 53 buah klinik daif menerima peruntukan bernilai RM 8.9 juta demi kesejahteraan rakyat.

Semua inisiatif yang saya nyatakan bakal meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan negeri dan merupakan sebahagian daripada reformasi kesihatan yang menjadi tekad saya selaras dengan pembangunan Kertas Putih Kesihatan.

DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN
17 MEI 2023